



PARLIMEN MALAYSIA



RANG UNDANG-UNDANG

Perbekalan Tambahan (1986 dan 1987) 1987

DR.10/1987

RANG UNDANG-UNDANG

b e r n a m a

Suatu Akta bagi menggunakan wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 1986 dan 1987 dan bagi memperuntukkan wang itu untuk maksud-maksud yang tertentu.

[]

MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya, seperti berikut:

1. Akta ini bolehlah dinamakan Akta Perbekalan Tambahan (1986 dan 1987) 1987. Tajuk ringkas.
2. (1) Maka adalah dibenarkan supaya dikeluarkan wang sebanyak tidak lebih daripada dua juta ringgit (\$2,000,000) daripada Kumpulan Wang Disatukan bagi perbelanjaan untuk perkhidmatan yang dinyatakan dalam Jadual Pertama bagi perkhidmatan tahun 1986, yang tidak diperuntukkan atau yang tidak diperuntukkan dengan sepenuhnya oleh Akta Perbekalan 1986, Akta Perbekalan Tambahan (1986) 1986 dan Akta Perbekalan Tambahan (1986) 1987. Perbelanjaan tambahan bagi tahun 1986.

Akta A630.
Akta A655.
Akta A669.

(2) Wang yang tersebut itu adalah diperuntukkan bagi maksud yang dinyatakan dalam Jadual Pertama.

Perbelanjaan
tambahan
bagi tahun
1987.

Akta A654.

3. (1) Maka adalah dibenarkan supaya dikeluarkan wang sebanyak tidak lebih daripada lima puluh tiga juta sembilan ratus empat puluh ribu satu ratus ringgit (\$53,940,100) daripada Kumpulan Wang Disatukan bagi perbelanjaan untuk perkhidmatan-perkhidmatan yang dinyatakan dalam Jadual Kedua bagi perkhidmatan tahun 1987, yang tidak diperuntukkan atau yang tidak diperuntukkan dengan sepenuhnya oleh Akta Perbekalan 1987.

(2) Wang yang tersebut itu adalah diperuntukkan bagi maksud-maksud yang dinyatakan dalam Jadual Kedua.

JADUAL PERTAMA
(Seksyen 2)

Maksud	Tajuk	Peruntukan kepada maksud
B. 27 ...	Kementerian Luar Negeri ...	\$2,000,000
JUMLAH ...		\$2,000,000

JADUAL KEDUA
(Seksyen 3)

Maksud	Tajuk	Peruntukan kepada maksud
B. 7 ...	Jabatan Perdana Menteri ...	\$50,000,000
B. 51 ...	Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos	3,940,100
JUMLAH ...		\$53,940,100

HURAIAN

Tujuan Rang Undang-Undang ini ialah untuk memberi kuasa berkanun supaya beberapa pembayaran tambahan tertentu dibuat untuk perkhidmatan-perkhidmatan awam persekutuan dalam tahun 1986 dan 1987 melebihi perbelanjaan yang dibenarkan oleh Akta Perbekalan 1986, Akta Perbekalan Tambahan (1986) 1986, Akta Perbekalan Tambahan (1986) 1987 dan Akta Perbekalan 1987.

[PN. (U²) 1437.]